

**Anggota Politik Tidak Boleh Duduk Kerusi PHEB, Kata Pemuda MIC
Bernama
3 Ogos, 2012**

GEORGE TOWN, 3 Ogos (Bernama) -- Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang (PHEB) harus dirombak untuk memastikan hanya individu yang mempunyai latar belakang agama dilantik sebagai pesuruhjaya untuk menyokong dan membangunkan lembaga, kata Pemuda MIC negeri.

Ketuanya J Dhinakaran berkata kerajaan Pulau Pinang perlu berhenti melantik anggota politik kerana mereka sentiasa sibuk dan tidak ada masa untuk menghadiri isu-isu membabitkan kaum Hindu.

Kata beliau sewaktu pentadbiran Barisan Nasional, hanya pengerusi PHEB adalah anggota politik manakala yang lain adalah profesional yang mempunyai kredibiliti dan integriti.

"Tetapi di bawah kerajaan negeri pakatan pembangkang, terdapat empat anggota politik dalam PHEB termasuk pengerusinya Dr P Ramasamy, yang juga timbalan ketua menteri," katanya dalam sidang akhbar di sini Jumaat.

Dhinakaran berkata anggota politik harus meletakkan jawatan daripada lembaga itu kerana mereka bekerja demi kepentingan politik dan bukannya mengambil berat tentang hal-hal agama, sehingga membawa kepada kejadian malang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685523>

